



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

11 November 2019

1. Perlu peka isu, hukum haiwan peliharaan anjing; Harian Metro

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Local	Muka Surat 19	RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input checked="" type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH 11.11.2019			

**Perlu peka isu,
hukum haiwan
peliharaan anjing**

Kangar: Masyarakat di negara ini perlu peka mengenai isu dan hukum berkaitan haiwan peliharaan anjing dalam agama Islam bagi menyemarakkan keharmonian antara kaum.

Mufti Perlis, Datuk Dr Mohd Asri Zainul Abidin berkata, dalam kehidupan bermasyarakat yang rencam dari segi agama dan budaya, sesuatu isu yang dilihat sensitif antara kaum pasti timbul.

"Secara umumnya, manusia terdiri daripada pelbagai latar budaya dan agama menganggap tindakan menyamakan mana-mana individu dan pihak dengan anjing adalah satu penghinaan.

"Sekalipun masyarakat Barat, ramai yang menganggap *a dog is a man's best friend* namun jika kita berkata *you are like a dog*, ia juga satu penghinaan. Jika ada yang memahami dengan maksud kesetiaan, ia lebih bermaksud kesetiaan yang membuta tulu," katanya menerusi kenyataan di Facebook.

Mohd Asri berkata, dalam al-Quran ada menjelaskan persamaan seorang ulama dengan sifat buruk seekor anjing jika ulama terbabit sanggup menjual prinsip demi kepentingan diri pada Surah al-Araf ayat 175 hingga 176.

Bagaimanapun, menurutnya, dalam surah yang lain terdapat penjelasan



DR Mohd Asri

haiwan terbabit sahabat kepada manusia selain seorang pelacur wanita dimasukkan ke dalam syurga hanya kerana keikhlasannya memberi minuman kepada anjing yang kehausan.

"Betapa seorang pelacur yang buruk sekalipun diampuni dosanya oleh Allah kerana dengan ikhlas memberikan minum kepada sekor anjing.

"Bagaimana mungkin + untuk kita menganggap Islam tidak menilai sebagai satu perbuatan yang baik jika Muslim memberi makan dan minum kepada anjing? Jika ada orang Muslim yang memberi makan kepada anjing patutlah dipuji," katanya.

Beliau berkata, bagaimanapun Islam membataskan penganutnya untuk memelihara anjing khusus bagi menjaga keamanan, ternakan, tanaman dan buruan.